



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**PENJELASAN KEPADA LAPORAN AKHBAR SINAR HARIAN
"MISTERI AIR SUNGAI BERTUKAR HITAM"
SUNGAI PINJI, IPOH, PERAK**

25 MEI 2017

Saya ingin memberikan penjelasan kepada **Laporan Akhbar Sinar Harian** bertajuk "*Misteri Air Sungai Bertukar Hitam*" bertarikh 24 Mei 2017.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak telah menerima aduan berkenaan kejadian air berwarna hitam di Sungai Pinji, Ipoh, Perak pada 23 Mei 2017. Tindakan segera telah diambil oleh pihak JAS sejeurus menerima aduan tersebut. Setibanya pasukan penyiasat JAS di lokasi kejadian pada jam 10.30 pagi, mendapati keadaan air sungai adalah normal.

Siasatan lanjut dengan menyusuri Sungai Pinji akhirnya menemui aliran air berwarna hitam yang dilepaskan melalui longkang awam ke Sungai Pinji. Selepas menyusuri longkang awam dan sekitar kawasan perumahan tersebut, pasukan penyiasat akhir mendapati air berwarna hitam itu berpunca daripada kerja-kerja pengorekan 'pit' bagi projek sistem pembentungan baru Bandaraya Ipoh.

Kerja-kerja pengorekan tanah bagi pemasangan paip sepanjang 250 meter dengan kedalaman melebihi 7 meter secara 'vertikal' telah menyebabkan terhasilnya air berwarna hitam ini. Analisa awal mendapati air ini berada dalam keadaan neutral (PH 6 - 7), tidak berbau tetapi mengandungi sedimen (kelodakan) berwarna hitam.

Pemaju projek telah diminta memberikan penjelasan dan mengenalpasti punca kejadian tersebut. Satu perbincangan dan taklimat oleh pemaju projek telah diadakan di Pejabat JAS pada 24 Mei 2017. Wakil daripada Jabatan Pengairan Saliran (JPS) turut dipanggil untuk meneliti masalah tersebut.

JAS telah mengarahkan pegawai penyiasat untuk mengambil sampel air di kawasan tersebut dan menghantarnya ke Makmal Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) di Ipoh untuk dianalisa secara menyeluruh semua parameter termasuk (logam berat).

JAS juga akan mengemukakan surat makluman dan cadangan keperluan bagi meneliti semula skop kerja dan kawalan pencemaran bagi projek ini kepada agensi/jabatan berkaitan seperti Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) agar kejadian serupa tidak berulang lagi di masa hadapan.

Manakala Pusat Kajian Kualiti Air dan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dalam laporan mereka memaklumkan bahawa kawasan tadahan Sungai Pinji adalah seluas 120 km persegi.

Daripada jumlah tersebut, 70 peratus kawasan tadahan telah dibangunkan secara pesat dan baki 30 peratus masih lagi merupakan kawasan hutan yang membekalkan aliran air sungai secara semula jadi ke tadahan Sungai Pinji.

Secara amnya kerosakan kualiti air di Lembangan Sungai Pinji bukanlah merupakan faktor utama berlaku kejadian air bertukar hitam, sebaliknya ia mungkin berpunca disebabkan faktor kerosakan kualiti air setempat di kawasan yang dilaporkan.

Saya memberi amaran kepada pemaju projek atau mana-mana pemaju dan syarikat untuk mengikut S.O.P kerja yang telah ditetapkan serta garis panduan yang telah diberikan untuk memastikan tiada sebarang pencemaran berlaku. Saya juga ingin meminta pihak kerajaan negeri untuk tidak mengganggu hutan tadahan air yang hanya tinggal 30 peratus ini kerana mudah untuk berlakunya kejadian kemerosotan kualiti air yang lebih serius lagi di masa hadapan. Sesungguhnya tanggungjawab menjaga alam sekitar khususnya kawasan tadahan air adalah menjadi tanggungjawab kita bersama.

“NEGARAKU, ALAM SEKITARKU”

**Dato Sri Dr Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar**